

OLEH FAIZ AL-SHAHAB

Dalam kehidupan serba moden ini, apabila semua orang, baik dewasa ataupun kanak-kanak sentiasa terpaku pada peranti pintar, tidak hairanlah jika perkataan "e-buku" lebih kerap bermain di bibir mereka. Buku digital ataupun lebih dikenali sebagai e-buku ini difahamkan sudah menjadi salah satu bahan perantaraan yang akan mengubah cara pembacaan masyarakat kita. Sebahagian daripada tanggapan ini benar kerana buku digital tidak mempunyai berat fizikal; ia boleh diperolehi pada bila-bila masa melalui talian Internet, secara prinsipnya lebih murah harganya dan juga boleh dibaca secara bukan linear. Walau bagaimanapun, cara membaca buku digital sama seperti buku bercetak konvensional. Pada dasarnya, buku digital hanya menukarkan media pembacaan daripada kertas kepada elektronik untuk pembaca.

Terdapat tanggapan popular bahawa kehadiran buku digital dikatakan akan mencopoti industri percetakan dan penerbitan buku, justeru

**PERSURATAN
DIGITAL
TIBANYA
TRANSFORMASI
PERBUKUAN
NEGARA**

menjelaskan perkembangan perbukuan dan percetakan konvensional. Pada hakikatnya, pandangan yang agak popular ini adalah jauh daripada realiti.

Lebih mudah untuk penganalisis mengatakan bahawa dunia perbukuan secara semula jadi akan beralih kepada media digital pada masa-masa yang berikutnya. Namun demikian, persepsi ini tidaklah begitu remeh. Pembaca asli yang dahulunya akan membaca surat khabar, majalah dan buku, kini telah pun beralih membaca pada peranti telefon pintar khususnya. Namun begitu, perkara apakah yang dibaca oleh pembaca baharu ini?

Statistik pada tahun 2015 oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia menunjukkan bahawa lebih daripada 70 peratus rakyat Malaysia menggunakan data telefon pintar. Hal ini bermakna, lebih daripada 70 peratus rakyat Malaysia ialah pengguna media digital. Seharusnya statistik yang sihat ini menunjukkan bahawa pengguna Malaysia telah pun menyediakan satu pasaran yang subur untuk perbukuan digital. Tetapi, pada statistik yang lain pula, seperti soal selidik yang dilakukan oleh syarikat Xentral Methods Sdn. Bhd. bersama-sama pelajar Universiti Multimedia dan Universiti Lim Kok Wing pada tahun 2014, keutamaan yang diperolehi daripada sampel pelajar ini menentang bahawa kegunaan utama peranti moden oleh masyarakat lebih cenderung pada media sosial dan hiburan dalam talian, seperti pengaplikasian foto dan video. Penemuan ini bukanlah begitu signifikan, tetapi hal ini mengukuhkan pendirian bahawa fokus dan tumpuan masyarakat telah pun dimonopoli oleh media sosial.

Pada tempoh masa yang sama, industri penerbitan dan percetakan khususnya majalah dan surat khabar mengalami kemerosotan jualan secara

mendadak. Fenomena ini menerangkan bahawa generasi pengguna kini mendapatkan berita, hiburan dan gosip daripada media sosial. Media sosial bukan sahaja sudah menjadi perantara berita, hiburan dan gosip yang biasa sehari-hari, malah bahan-bahan ini dipakejkan sedemikian rupa supaya pengguna tidak perlu mencarinya lagi dalam internet kerana kini disampaikan melalui perkongsian rakan-rakan dan komuniti dalam media sosial. Dalam media sosial, pengguna disajikan dengan pelbagai maklumat, iklan dan berita secara rela (ataupun terpaksa). Faktor ketersediaan ruang perkongsian berita, hiburan dan gosip ini menyebabkan khalayak ramai kurang progresif dalam usaha mencari maklumat, apatah lagi untuk membeli berita, hiburan dan gosip melalui media bercetak. Kesannya, masa dan tumpuan pihak umum tercabar dengan daya tarikan dan kemeriahan media sosial.

Oleh itu, jelas sekali bahawa sektor industri penerbitan yang paling ditampar hebat oleh dunia digital ialah penerbitan surat khabar dan majalah. Kejadian ini juga membawa impak besar kepada industri pengiklanan tempatan. Jadi, di manakah kedudukan buku digital dalam konteks ini? Buku digital yang selalunya dianggap sebagai faktor yang menjelaskan perkembangan perbukuan bercetak adalah sebenarnya satu saluran untuk industri perbukuan konvensional memenangi kembali tumpuan pengguna dalam dunia digital.

Lazimnya, dikatakan bahawa penerbit konvensional kehilangan 30 peratus sehingga 50 peratus nilai pasaran disebabkan oleh peralihan digital. Hala tuju industri e-buku adalah untuk memenangi semula peratusan kehilangan dengan menggantikan nilai jualan dalam bentuk jualan buku digital. Usaha ini bukanlah mudah yang dianggap, kerana e-buku sendiri


perlu bertanding dengan media sosial dalam dunia digital. Oleh sebab buku digital amat serasi dengan dunia elektronik, ia memberikan satu media baharu kepada pengguna sebagai galang ganti kehilangan media cetak. Jika tafsiran ini difahami secara betul, persuratan digital merupakan harapan yang cerah untuk industri buku konvensional dalam dunia digital, dan bukan sebaliknya.

Ekonomi Persuratan Digital

Jika kita melihat pada sejarah industri e-buku yang masih muda ini, tercetusnya peningkatan penggunaan e-buku ialah ketika syarikat gergasi Amazon memperkenalkan peranti Kindle dan kaedah pencapaian e-buku melalui standard Mobipocket pada bulan November 2007. Pada ketika itu, buat pertama kalinya dunia melihatkan Amazon Kindle sebagai tarikan untuk pembaca buku berubah media kepada elektronik. Dan, sejarah juga menentukan bahawa berikutan pengenalan Kindle, pasaran buku konvensional di Amerika Syarikat jatuh sebanyak 30 peratus dan beralih kepada industri buku digital serta-merta pada tahun 2009. Beberapa tahun kemudian juga, rangkaian kedai buku terbesar di dunia, iaitu Borders, menjadi mufis dengan menutup sebanyak 1472 buah kedai buku di seluruh Amerika Syarikat. Para penganalisis mengatakan bahawa ledakan industri e-buku merupakan faktor utama pada kejatuhan syarikat Borders.

Walaupun bagaimanapun, kita harus ingat sebelum tahun 2011, dunia peranti pintar masih lagi pramatang. Oleh hal yang demikian, khalayak ramai ketika itu masih boleh dipujuk untuk menerima bahan bacaan digital sebagai pengganti buku cetak, kerana aplikasi seperti Facebook dan Twitter belum wujud pada

Peratusan (%) Pasaran E-Buku dalam Industri Perbukuan



Sumber: Statista (2016)

telefon pintar. Keadaan ini memberi peluang untuk Amazon Kindle menarik pembaca buku supaya berpindah kepada e-buku kerana tawarannya yang lebih murah dan praktikal. Namun begitu, semua ini berubah apabila tibanya Apple iPad pada tahun 2011. Apple iPad membuka pintu kepada pasaran aplikasi yang mula diguna pakai pada telefon bimbit dan peranti tablet oleh pengguna. Berikutan ini, Android pula diperkenalkan dan juga menawarkan ribuan aplikasi untuk pengguna. Ribuan aplikasi yang banyaknya diberikan secara percuma kepada pengguna, kebanyakannya berbentuk permainan dan hiburan, telah menganjak tumpuan pengguna jauh daripada bahan bacaan, khususnya e-buku. Fenomena ini jelas kelihatan di pasaran e-buku Amerika Syarikat dan Eropah yang mula mendatar sejak tahun 2015 lagi.

Graf menunjukkan peratusan (%) pasaran e-buku dalam industri perbukuan.

Berdasarkan graf peratusan pasaran e-buku dalam industri perbukuan, garisan merah menyampaikan peratusan pasaran e-buku Amazon Kindle, yang dipaparkan meningkat pesat antara tahun 2007 sehingga 2012, dan kemudiannya merosot sedikit sebelum mendatar mulai tahun 2014. Garisan kuning pula menyampaikan peratusan pasaran e-buku di Malaysia, yang peratusan pasarnya masih kecil dan belum membangun sehingga kini.

Fakta menarik diketengahkan oleh ruang biru graf, yang ruang ini menampilkan zaman e-buku dibaca melalui peranti khas seperti Amazon Kindle, Kobo Reader, Barnes & Noble Nook dan Sony Reader. Pada fasa ini juga, kehadiran peranti pintar yang menggunakan sistem operasi beraplikasi (seperti Android atau iOS) belum lagi diperkenalkan, kesan ini memberi ruang untuk e-buku menapak baik dalam dunia digital.

Garisan hitam yang terbelah di antara ruang biru dengan hijau menandakan permulaan sistem operasi iOS oleh Apple, dan juga pengenalan peranti Apple iPad kepada dunia. Ruang hijau seterusnya ialah zaman apabila kegunaan peranti pintar mula menjadi kebiasaan. Jelas ternyata di sini bahawa perkembangan peratusan pasaran buku digital mula perlahan apabila e-buku berhijrah daripada alam peranti khas kepada alam peranti bersistem operasi.

Di Malaysia pula, sama seperti negara-negara Asia Tenggara yang lain, apabila e-buku moden diperkenalkan, sambutan melangit terhadap peranti beraplikasi sudah pun mencuri tumpuan pengguna pada dunia media sosial dan hiburan. Oleh sebab itu, landskap untuk pasaran e-buku sudah menjadi lebih mencabar kerana bersaing dengan aplikasi yang lain. Oleh itu, perkembangan industri e-buku di Asia Tenggara lembap dan tidak pantas yang berlaku di Amerika Syarikat.

Jika kita lihat pada pasaran terbuka melalui e-dagang, jualan e-buku fiksyen setahun di Malaysia rata-ratanya dalam lingkungan RM230 ribu - RM270 ribu bermula pada tahun 2016, berbanding dengan pasaran yang matang seperti United Kingdom (sembilan kali ganda keluaran dalam negara kasar Malaysia) yang jualan e-buku fiksyennya ialah sebanyak £180 juta (RM900 juta) setahun. Hal ini menunjukkan bahawa jualan buku elektronik di Malaysia masih jauh perlahan daripada mencapai potensi sebenarnya.

Adakah industri e-buku masih relevan di Asia Tenggara dan negara ini? Sudah tentu. Malah, pembangunan dan penerusan industri ini lebih relevan kini kerana tanpa kehadiran e-buku, industri perbukuan konvensional akan tetap merosot. Perkara yang lebih penting untuk negara membangun seperti Malaysia ialah perbukuan digital boleh membawa banyak elemen penjimatan dalam perusahaan buku dan kelestarian ekonomi negara dan alam sekitar.

E-buku dalam usaha pembanguan dan peningkatan ekonomi kita boleh digunakan untuk mengurangkan perbelanjaan dalam pendidikan, pengurusan, pemfalan, dan pelbagai


lagi. E-buku merupakan langkah yang ke hadapan sebenarnya, kerana proses penyediaan dan penghasilannya mengurangkan kos dalam percetakan, pergudangan, dan juga pengedaran. Oleh itu, berbeza daripada perkembangan industri e-buku yang berpunca daripada sektor komersial di Amerika Syarikat, di Malaysia, ramalan prestasi sebenar industri e-buku akan bermula pesat dalam sektor pendidikan dan pentadbiran pada permulaannya.

Kejadian ini sangat ketara dalam kegiatan perpustakaan. Beberapa tahun kebelakangan ini, industri perpustakaan maya membangun pesat di Malaysia. Pengguna yang menerima pakai sistem perpustakaan maya untuk meminjam e-buku sangat ramai dan meningkat mendadak. Sistem perpustakaan maya seperti eLib eBook Portal (www.pnm.elib.com.my) yang dibekalkan untuk Perpustakaan Negara Malaysia mempunyai lebih 120 ribu pengguna berdaftar sejak bulan Mac 2017, dan mempunyai purata 4200 sehingga 8 ribu e-buku yang sudah dipinjam oleh ahli mayanya pada setiap bulan. Jelasa di sini, perkhidmatan perpustakaan maya sedang mencanak popular kerana kegunaannya praktikal, mesra pengguna, mudah dimuat turun oleh ahli-ahli perpustakaan, dan buat ketika ini, masih percuma.

Mungkin kerana perkhidmatan ini percuma, maka lebih ramai yang menggunakannya jika dibandingkan dengan e-buku dalam portal tersebut yang perlu dibayar untuk sewaan. Dalam hal ini, persepsi bahawa bahan yang diperoleh dalam talian sepatutnya percuma juga memainkan peranan, seperti popularnya penggunaan media sosial yang jelas-jelas menyebarkan dan merangkaikan pelbagai bahan

video dan maklumat secara percuma. Oleh sebab dunia Asia telah dicemari oleh mentaliti cetak rompak dalam talian sedekad lalu, khususnya ketika zaman muzik beralih format kepada MP3, kesannya kini ialah, pengguna am masih menganggap secara umum bahawa e-buku juga boleh didapati secara cetak rompak. Dalam hal ini, perubahan paradigma masyarakat terhadap budaya membeli kandungan elektronik dalam talian mungkin akan memakan sedikit masa, lebih-lebih lagi apabila khalayak ramai mula perlu sedar akan kepentingan memelihara harta intelek dan kebiasaan untuk membeli bahan digital, sama ada secara alami ataupun melalui pendidikan. Namun begitu, setakat ini, perkara yang jelas ialah penggunaan e-buku dalam budaya pinjaman perpustakaan maya sudah mencapai tahap yang sangat sihat di negara ini.

Dalam sektor pendidikan pula, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa mengusahakan jalan untuk mempertingkatkan mutu pendidikan serta menjimatkan kos operasi negara melalui buku digital. Kementerian Pendidikan telah pun memperkenalkan fasa ataupun gelombang buku teks sekolah akan dipindahkan ke dalam bentuk media digital secara berperingkat. Walaupun peningkatan mutu pendidikan menjadi agenda utama transformasi ini, namun tidak dapat dinafikan bahawa pemindahan buku teks sekolah kepada tapak perantara digital akan menyediakan peluang kebolehlaksanaan untuk kerajaan. Memandangkan jumlah murid meningkat dan harga kertas semakin tinggi dari tahun ke tahun, buku teks digital boleh mengoptimalkan kos kerajaan untuk terus membekal buku teks secara percuma.



Gelombang perancangan buku teks yang melalui proses pendigitalan.

Dalam forum parlimen pada 14 Mac 2017, Ahli Parlimen Sungai Besar, Yang Berhormat Tuan Budiman Mohd. Zohdi telah mengetengahkan kepentingan untuk menyemak semula Dasar Buku Negara (DBN), memandangkan trend masa kini yang condong ke arah pembacaan digital. Seruan ini amat baik dan tepat pada masanya. Namun begitu, memandangkan hal ini sebuah dasar negara, kita perlu laksanakan semakan ini dengan mengutamakan pembangunan industri perbukuan tempatan (yang setakat ini masih digerakkan secara konvensional). Sering kali kita melihat dasar kita cenderung kepada menggunakan teknologi dari luar ataupun kerjasama dengan pihak luar negara untuk mencapai matlamat baharu. Kejadian ini kelihatan pada inisiatif seperti Digital Free Trade Zone (Zon Bebas Dagang Digital) apabila

dalam keghairahan menyambut ikon usahawan digital dunia, kemudahan istimewa telah diberikan kepada syarikat negara China, Alibaba Group, dari segi kadar cukai import dan pematuhan perbankan secara dalam talian. Sebagai contoh, AliPay (sistem perbankan dalam talian Alibaba) dan CIMB tanpa campur tangan tegas daripada Bank Negara, manakala syarikat perbankan dalam talian Malaysia seperti MOL Pay, iPay88 dan SenangPay perlu melalui peraturan dan tadbir urus yang ketat oleh Bank Negara. Sudah tentu pemain tempatan akan bermula dengan hambatan apabila bersaing dengan syarikat gergasi luar negara. Oleh itu, biarlah semakan Dasar Buku Negara dilakukan dengan cara yang lebih teliti, telus dan menguntungkan ekonomi perbukuan tempatkhususnya.

Banyak antara kita sendiri yang akan menyeru untuk mempelawa syarikat gergasi luar seperti Amazon untuk memangkinkan industri perbukuan fizikal mahupun digital, tetapi apakah kesan jangka masa panjangnya? Inilah hal yang seharusnya perlu difikirkan semasa-masaknya, terutamanya apabila keupayaan ini sudah pun dimiliki oleh pemain tempatan.

Akhir sekali, buku digital seharusnya dipandang oleh penerbit konvensional sekarang sebagai satu saluran pendapatan yang baharu, dan bukan sebagai lawan. Potensi e-buku belum lagi tercapai sepenuhnya di negara ini dan apabila teknologinya mendapat tempat, sudah tentu hasilnya boleh menandakan pendapatan yang lumayan untuk para penerbit negara, sekali gus meningkatkan prestasi ekonomi negara. ■